

Aplikasi PISAH bantu pantau pesakit dikuarantin Covid-19

KUANTAN: Penyelidik dari Fakulti Komputeran (FK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini menghasilkan sistem yang dapat memantau mengesan rekod individu yang dikuarantin yang diberi nama Covid Patient Tracking System at Home (PISAH).

Penyelidik berkenaan, Prof. Madya Dr. Mazlina Abdul Majid, 43, berkata, ideanya bermula apabila melihat peningkatan kes baharu dan bersimpati dengan nasib petugas barisan hadapan yang semakin penat merawat pesakit Covid-19 setiap hari.

Beliau berkata, PISAH adalah aplikasi berasaskan telefon mudah alih yang akan memantau dan mengesan rekod individu yang dikuarantin akibat Covid-19 di rumah selama 14 hari.

Jelasnya, ia berdasarkan perkataan Melayu 'pisah' yang bermaksud memisahkan atau mengasingkan.

"PISAH berjaya mengesan lokasi individu menggunakan teknologi GPS. Dengan adanya aplikasi ini, lokasi akan direkodkan berdasarkan waktu tertentu," katanya dalam kenyataan di sini.

Mazlina berkata, penggunaan aplikasi PISAH begitu mudah digunakan dengan hanya perlu didaftarkan menerusi telefon pintar sahaja.

"Menerusi aplikasi ini, individu yang perlu dikuarantin akan mendaftar maklumat peribadi mereka termasuk tarikh bermula dikuarantin.

Individu tersebut juga perlu menilai tahap kesihatan mereka sepanjang tempoh kuarantin.

Pada masa yang sama, pemantau dapat mengetahui tahap kesihatan individu tersebut," katanya.

Utusan Malaysia (20/7/2021, Kuantan) n/s: 29



MAZLINA
Abdul Majid menunjukkan aplikasi PISAH yang dihasilkan untuk memantau individu yang dikuarantin akibat Covid-19.